

# PUSAKA cadang Kubu Silar Pinikit diiktiraf sebagai tapak warisan sejarah negara

NST 21.12.2017 6

**KENINGAU:** Cadangan Persatuan Keluarga Keturunan Pahlawan Ontoros Antenom (PUSAKA) untuk mengiktiraf Kubu Silar Pinikit di Salangit Rundum, Kemabong sebagai tapak warisan sejarah negara akan dikemukakan kepada pihak berwajib.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Ellron Alfred Angin berkata, kubu ini merupakan tempat pahlawan dari suku kaum Murut iaitu Datuk Seri Panglima (DSP) Ontoros Antenom semasa menentang penjajah British dalam memperjuangkan nasib suku kaum Murut yang dijadikan buruh paksa dan dikenakan pelbagai cukai pada suatu masa dahulu.

Katanya lagi, pengiktarafan kubu ini sebagai tapak warisan sejarah negara adalah penting dalam usaha memulihara tapak warisan ini untuk generasi masa hadapan daripada dibiarkan musnah begitu sahaja.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Buku DSP Ontoros Antenom Pahlawan Terbilang Bangsa Murut di salah sebuah hotel di sini, pada

Selasa.

Datuk Ellron yang juga wakil rakyat Sook berkata, sekiranya usaha ini terlaksana nanti sudah tentu akan meningkatkan lagi kedatangan para pelancong dari luar dan dalam negara berkunjung ke negeri ini sekaligus memberi impak baharu kepada peningkatan sosio-ekonomi negeri dalam sektor pelancongan.

Sementara itu, Pengarah Muzium Sabah Mansur Haji Asun yang turut ditemui media pada majlis ini berkata, usaha awal pihaknya akan melawat tapak terlebih dahulu seterusnya mengkaji lebih lanjut mengenai tapak berkenaan nanti.

“Persatuan PUSAKA telah memohon agar menjadikan Silar Pinikit sebagai tempat bersejarah... kita akan membuat lawatan dulu ke tapak-tapak berkenaan dan setiap tapak-tapak ini semestinya mempunyai sejarah yang boleh dijadikan sebagai tempat warisan berdasarkan kepada enakmen,” jelasnya.

Selain itu katanya, pihaknya akan turut melawat stesen kereta api lama di Melalap, Tenom dan


Batu Berukir Lumuyu yang terletak di Kampung Bakuku Ulu Tomani, Kemabong yang turut disenaraikan sebagai cadangan untuk tapak warisan sejarah negara.

Manakala bagi, waris keluarga DSP Ontoros Antenom menyambut baik penerbitan buku tersebut kerana mampu menyebarkan perjuangannya kepada masyarakat lain.

Menurut Marutin Ansiung, waris keluarga DSP Ontoros Antenom berkata, penerbitan buku ini sekarang-kurangnya dapat menjelaskan dan menceritakan sejarah perjuangan pahlawan Murut DSP Antenom kerana perjuangannya selama ini kurang diketahui oleh masyarakat umum dan waris-warisnya sendiri.

Monica Binti Damong, waris keluarga DSP Ontoros Antenom berkata penerbitan buku itu sangat memberi manfaat yang baik dan besar impaknya kepada masyarakat Murut kerana daripada penceritaan buku ini banyak sejarah-sejarah yang baharu dibekukan yang tidak diketahui oleh orang ramai.

Buku yang bertajuk Datuk Seri Panglima (DSP) Ontoros Antenom Pahlawan Terbilang Bangsa Murut



**BUKU ... Ellron menunjukkan buku Datuk Seri Panglima (DSP) Ontoros Antenom.**

mempunyai 148 muka surat yang mengandungi sembilan bab dengan harga senaskah RM38 diterbitkan oleh Pensyarah Kanan Universiti

Malaysia Sabah (UMS), Doktor Dayu Sansalu dengan kerjasama PUSAKA.- **OLEH RIZALMI LI-MAN**